

## LAMPIRAN K

### SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 2 JULAI 2009

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>			
<b>Gred J17</b>	P1T1	RM843.06	-	P1T26 RM2325.37
	P2T1	RM896.00	-	P2T26 RM2452.46
	P3T1	RM950.45	-	P3T26 RM2583.95
<b>Gred J22</b>	P1T1	RM1932.06	-	P1T12 RM2863.79
	P2T1	RM2074.24	-	P2T12 RM3163.24
<b>Gred J26</b>	P1T1	RM2216.41	-	P1T9 RM3015.05
	P2T1	RM2429.67	-	P2T9 RM3300.87

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
  - (Gaji permulaan ialah pada Gred J17: P1T9);
  - dan
  - (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred J17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Juruteknik Gred J17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Juruteknik boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
5. Juruteknik Gred J17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

6. Juruteknik Gred J17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHP  
KECEKAPAN**

8. Juruteknik hendaklah melepas penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED J22**

9. Juruteknik Gred J17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Gred J22 yang kosong apabila telah:-
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) melepas semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED J26**

10. Juruteknik Gred J22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Gred J26 yang kosong apabila telah:-
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepas semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN KE  
PERKHIDMATAN  
PENOLONG JURUTERA,  
PENOLONG PEGAWAI  
SENIBINA, PENOLONG  
JURUUKUR BAHAN,  
PEMBANTU TEKNIK UKUR  
BANGUNAN, PEMBANTU  
TEKNIK KAPAL TERBANG,  
PENOLONG PEGAWAI  
KAWALAN ALAM SEKITAR,  
PENGHULU**

11. Juruteknik dalam bidang-bidang berkaitan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred J29 atau Penolong Pegawai Senibina Gred J29 atau Penolong Juruukur Bahan Gred J29 atau Pembantu Teknik Ukur Bangunan Gred J29 atau Pembantu Teknik Kapal Terbang Gred A29 atau Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C27 atau Penghulu Gred NP27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2004. [Pekeling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2003, JPA(S)324/14/2-1 Klt.3(44)].